Kata Sendi Nama

Kata sendi adalah kata yang berfungsi sebagai penghubung yang menghubungkan frasa nama dengan kata-kata atau frasa-frasa lain dalam ayat. ianya memainkan peranan penting dalam membentuk struktur ayat dan membolehkan ayat-ayat menjadi lebih teratur dan bermakna.

Kata sendi nama	Penggunaan	Contoh ayat
di	Menunjukkan tempat	Azman bersekolah **di** Smk Jalan Damai
ke	Menunjukkan arah, tempat dan masa	1. Mei Chin pergi **ke** sekolah. 2. Dia hendak pergi **ke** Melaka pada bulan hadapan

LIVEWORKSHEETS

dari	Digunakan untuk tempat dan masa	3. Ali mengulang kaji pelajaran **dari** pukul 10 pagi. 4. Zaim berasal **dari** Kedah.
pada	Menunjukkan tempat bagi perbuatan atau masa	5.Siti menulis **pada** papan tulis. 6. Kami akan bertolak **pada** pukul 5.00 petang. 7. Nabil melukis mural **pada** dinding sekolah.
kepada	Digunakan sebelum kata nama	8. Johan memberikan buku itu **kepada** rakannya. 9. Pasukan Pengakap dibahagikan **kepada** dua kumpulan
daripada	Tempat datangnya sesuatu. Untuk memberi perbandingan	10. Kerusi itu diperbuat **daripada** kayu. 11. Ramesh lebih tinggi **daripada** adiknya.

LIVEWORKSHEETS

Latihan kata sendi nama

Garis kata sendi nama yang betul.

1. Baju itu (di / pada) dalam almari.

2. Ahmad berjalan (ke / kepada) perhentian bas.

3. Kucing itu melompat keluar (dari / daripada) tingkap.

4. Buku ini (pada / untuk) Cikgu Fauziah.

5. Rama-rama hinggap (pada / di) bunga.

6. Ayu dan adiknya (ke / kepada) taman permainan.

7. (Di / Pada) hujung minggu, kami pulang ke kampung.

8. Pasukan pengakap dibahagikan (pada / kepada) dua kumpulan.

9. Kapal terbang Malaysia Airlines telah berlepas (daripada /dari) Taiwan menuju ke Malaysia.

10. Tabung yang unik itu diperbuat (daripada / kepada) tempurung kelapa.

Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang sesuai.

pada	kepada
di	dari
ke	
daripada	

1. Encik salim pergi_____ pejabat dengan kereta.

2. Ibu menyiram bunga _____ setiap petang.

3. Kasut itu _____ bawah kerusi.

4. Cikgu Azizi memberikan buku itu _____ Fahmi.

5. Munirah lebih tinggi _____ kakaknya.

6. Encik Chew Boon berasal _____ Perak.

LIVEWORKSHEETS